

TEVETEN 600MG TABLET

Eprosartan 600mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TEVETEN
2. Bagaimana TEVETEN berfungsi
3. Sebelum mengambil TEVETEN
4. Cara menggunakan TEVETEN
5. Semasa menggunakan TEVETEN
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TEVETEN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang and Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

1. Apakah kegunaan TEVETEN

Teveten mengandungi bahan aktif eprosartan yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

2. Bagaimana TEVETEN berfungsi

Teveten mengandungi bahan aktif eprosartan.

Eprosartan tergolong dalam kumpulan ubatan yang dipanggil “angiotensin II receptor antagonists”. Ia dapat menghalang tindakan bahan ‘angiotensin II’ dalam badan. Bahan ini boleh menyebabkan saluran darah menjadi sempit. Justeru menyukarkan pengaliran darah dan meningkatkan tekanan darah. Dengan menghalang bahan ini, saluran darah mengendur lalu menurunkan tekanan darah.

3. Sebelum mengambil TEVETEN

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Teveten sekiranya;

- Anda alah (hipersensitif) pada eprosartan atau bahan kandungannya yang lain.
- Anda mempunyai masalah pengaliran darah yang **teruk** di ginjal.
- Anda hamil lebih dari 3 bulan (juga disarankan

agar tidak mengambil Teveten pada permulaan hamil)

Janganlah mengambil Teveten sekiranya anda mengalami salah satu kondisi di atas. Sekiranya anda kurang pasti, berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Sebelum mula mengambil

Periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini sekiranya;

- Anda mempunyai masalah hati
- Anda mempunyai sebarang penyakit ginjal. Doktor anda akan memeriksa ginjal anda terlebih dahulu sebelum memulakan rawatan dan masa yang sesuai untuk memulakan rawatan. Doktor anda juga akan memeriksa kandungan *potassium*, *creatinine* dan asid urik dalam darah anda.
- Anda mempunyai sebarang penyakit jantung seperti penyakit jantung korinari, kegagalan jantung, saluran darah atau injap jantung yang sempit, atau masalah dengan otot hati.
- terlalu banyak penghasilan hormon yang dipanggil ‘aldosterone’
- anda dalam diet yang rendah kandungan garam, pengambilan ‘water tablets’ atau sedang sakit atau mengalami cirit-birit. Ini mungkin menyebabkan kandungan darah dan paras sodium dalam darah menurun. Ini seharusnya dirawat dahulu sebelum memulakan rawatan dengan Teveten.

- Anda merasakan (atau mungkin) hamil. Teveten tidak digalakan dalam peringkat awalan hamil dan tidak sepatutnya diambil sekiranya anda hamil lebih dari 3 bulan kerana ia mungkin memudaratkan kandungan – sila lihat seksyen kehamilan.
- Sekiranya perkara di atas berlaku pada anda (atau anda kurang pasti), bercakaplah pada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Teveten.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahulah pada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil atau telah mengambil ubatan lain. Ini termasuk ubatan yang dibeli tanpa preskripsi termasuk ubatan herba. Hal ini kerana Teveten boleh mengganggu cara sesetengah ubat itu berfungsi atau sebaliknya.

Secara khususnya, beritahulah doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil ubat yang berikut;

- Lithium –untuk masalah tekanan perasaan. Doktor perlu memantau paras lithium dalam darah kerana Teveten boleh meningkatkan parasnya.

Sekiranya anda mengalaminya (atau anda kurang pasti), berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi sebelum anda mengambil Teveten.

Ubat-ubat berikut boleh meningkatkan kesan ke atas Teveten;

- Ubat yang boleh menurunkan tekanan darah

Sekiranya anda mengalaminya (atau anda kurang pasti), berbincanglah dengan doktor atau

TEVETEN 600MG TABLET

Eprosartan 600mg

ahli farmasi sebelum anda mengambil Teveten.

Bercakaplah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Teveten. Bergantung pada keputusan hasil ujian darah anda, doktor mungkin akan mengubah ubat yang anda gunakan.

4. Cara menggunakan TEVETEN

Berapa banyak harus diambil

Dewasa

Dos yang biasa diambil ialah sebiji tablet sehari.

Kanak-kanak dan remaja

Teveten tidak boleh diberi pada remaja dan kanak-kanak di bawah 18 tahun.

Bila perlu diambil

Ambil ubat pada setiap pagi di waktu yang sama.

Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti dari mengambil Teveten tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa mengambil dos pada masa yang ditetapkan, ambillah sejeurus anda ingat.

Sekiranya anda terlupa mengambil dos dan ianya hampir pada waktu dos seterusnya, jangan tambahkan dos bagi melengkapkan dos yang telah tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya anda mengambil Teveten lebih dari sepatutnya atau orang lain tidak sengaja mengambilnya, segera ke hospital atau berjumpa dengan doktor. Bawalah bungkusan ubat bersama. Perkara berikut mungkin akan berlaku;

- Terasa pening atau ringan kepala kerana tekan darah menurun.

5. Semasa menggunakan TEVETEN

Perkara yang perlu dilakukan

Hamil

Sekiranya anda hamil atau fikir anda mungkin hamil, beritahulah pada doktor anda. Selalunya doktor akan menasihati anda untuk berhenti dari mengambil Teveten sebelum anda hamil atau sejeurus selepas mengetahui bahawa anda hamil. Sebaliknya, doktor akan menyarankan penggunaan ubat lain bagi menggantikan Teveten.

Penggunaan Teveten tidak disarankan pada peringkat permulaan hamil dan tidak boleh diambil oleh ibu yang hamil lebih dari 3 bulan kerana ia akan membahayakan bayi.

Penyusuan badan

Beritahulah doktor sekiranya anda sedang menyusukan bayi atau akan memulakan penyusuan badan.

Teveten tidak disarankan pada ibu yang mengamalkan penyusuan badan. Doktor mungkin akan memilih rawatan lain sekiranya anda masih ingin meneruskan penyusuan badan, terutamanya pada bayi yang baru lahir atau bayi pra-matang.

Bertanyalah pada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat sekiranya anda mengandung, atau mungkin mengandung atau sedang menyusu badan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Memandu dan mengendalikan mesin

Teveten mungkin tidak akan mengganggu semasa anda memandu atau menggunakan peralatan mesin. Namun, anda mungkin mudah merasa mengantuk atau pening semasa mengambil Teveten. Sekiranya ini berlaku, jangan memandu atau menggunakan sebarang peralatan

mesin. Berbincanglah dengan doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Teveten mengandungi laktosa (sejenis gula). Sekiranya anda telah diberitahu oleh doktor bahawa badan anda tidak boleh toleransi pada sesetengah gula, berbincanglah dengan doktor sebelum mengambil ubat ini.

Selalulah menggunakan Teveten seperti yang diarahkan doktor. Anda patut periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda kurang pasti.

6. Kesan- kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Teveten mungkin menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Berikut adalah kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku;

Alahan (kurang dari 1 dalam 100 orang mengalaminya)
Sekiranya anda mempunyai alahan, berhenti dari mengambil ubat ini atau segeralah berjumpa dengan doktor. Tanda-tanda alahan adalah seperti;

- Ruam atau bengkak serta gatal-gatal pada kulit (urticaria)
- Bengkak pada bibir, muka, tekak dan lidah.
- Nafas pendek
- Bengkak di muka, kulit dan membran mukus

Kesan-kesan sampingan yang lain termasuk;

Sangat Biasa (kurang dari 1 dalam 10 orang mengalaminya)

- Sakit kepala

Biasa (kurang dari 1 dalam 10 orang mengalaminya)

- Rasa pening
- Ruam atau gatal (pruritus)
- Rasa sakit, sakit, cirit-birit (diarrhoea)
- Rasa lemah (asthenia)

TEVETEN 600MG TABLET

Eprosartan 600mg

Kurang biasa (kurang dari 1 dalam 100 orang mengalaminya)

- Tekanan darah rendah, termasuk tekanan darah rendah ketika berdiri. Anda mungkin berasa ringan kepala atau pening.

Frekuensi yang tidak diketahui

- Masalah buah pinggang(ginjal) termasuk kegagalan buah pinggang.

Sekiranya salah satu dari kesan sampingan di atas menjadi semakin serius, atau terdapat kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, beritahulah pada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. [Tel:03-78835550](tel:03-78835550), atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers - Reporting)

7. Cara penyimpanan dan pelupusan TEVETEN

Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25°C.

Jangan menggunakan TEVETEN selepas tarikh luput (*expiry date*) seperti tertera di atas bungkusan. Tarikh "Guna Sebelum" merujuk pada hari terakhir bulan tersebut.

Pelupusan

Ubat tidak boleh dibuang melalui sisa buangan ataupun tong sampah. Tanyalah pada ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat yang tidak diperlukan akibat sudah tamat tempoh penggunaannya. Ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

8. Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Teveten 600 mg:
Berbentuk kapsul tablet yang bersalut lapisan putih dan

bertanda '5046' pada sebelah bahagian dan 'SOLVAY' di sebelah bahagian berikutnya.

Teveten 600 mg dibungkus dalam blister yang mengandungi 14, 28, 56 atau 98 tablets.

Tidak semua pek saiz dipasarkan.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif adalah eprosartan (sebagai mesylate) bersamaan dengan 600 mg eprosartan setiap tablet.

Kandungan lain termasuk:

Lactose monohydrate, microcrystalline cellulose, pregelatinised starch, crospovidone magnesium stearate, purified water, hypromellose (E464), titanium dioxide (E171), macrogol 400, polysorbate 80 (E433).

Nombor MAL:

MAL06081194A

9. Pengilang and Pemegang Pendaftaran Produk

Pengilang

Abbott Biologicas B.V
Veerweg 12,
The Netherlands

Pemegang Pendaftaran Produk

ABBOTT LABORATORIES
(M) SDN. BHD.
No.22, Jalan Pemaju U1/15,
Seksyen U1,
HICOM-Glenmarie Industrial
Park,
40150 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan,
MALAYSIA.

10. Tarikh kemaskini

29/01/2014